

Timbalan Presiden bentang 11 resolusi

BH 19 MAY 2002

SEBELAS resolusi serta satu resolusi khusus mengenai penggunaan kaedah meritokrasi bagi menentukan kemasukan pelajar India ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di bentangkan dalam perhimpunan semalam oleh Timbalan Presiden MIC, Datuk S Subramaniam.

Katanya, resolusi khusus itu disertakan kerana kadar pengambilan pelajar India ke IPTA susut secara mendadak kepada hanya 4.7 peratus tahun ini berbanding 7.8 peratus tahun lalu berikutan penukaran kaedah pengambilan itu.

Seperti biasa, resolusi pertama mengusulkan sokongan tidak berbelah bahagi terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memertabatkan nama negara dipersada dunia.

Resolusi kedua pula menyentuh mengenai ekuiti masyarakat India, yang menekankan keperluan kerajaan mengkaji keberkesanan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan RM-8.

Sehubungan itu, kata Subramaniam, resolusi ketiga mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan badan khusus bagi menyebarkan maklumat mengenai peluang kerja sektor awam untuk calon berketurunan India.

Isu gaji bulanan bagi pekerja sektor perladangan getah pula disertakan sebagai resolusi keempat dengan saranan mempercepatkan erbincangan antara Persatuan Penge-luar Pertanian Malaysia (MAPA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW).

Resolusi kelima membincangkan mengenai persediaan tempat beribadat bagi masyarakat India, meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memastikan pembinaan

kuil disertakan dalam pelan pembangunan sesuatu kawasan.

Selaras dengan cadangan kerajaan menghapuskan setinggan menjelang tahun 2005, resolusi keenam mencadangkan penyediaan lebih banyak rumah kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah.

Resolusi ketujuh pula membincangkan mengenai pembasmian masalah sosial dengan ucapan terima kasih kepada kerajaan kerana memperuntukkan RM20 juta kepada MIC bagi mengatasi masalah itu dikalangan masyarakat India.

Seterusnya, resolusi kelapan pula adalah usul terima kasih kepada Kementerian Pendidikan kerana merangka Pelan Pembangunan Pendidikan 2010 dan MIC mencadangkan supaya satu program bantuan bagi pelajar miskin dirangka bagi memastikan mereka tidak tercicir.

Selain itu, resolusi berkenaan juga mahu kerajaan memberi penekanan khusus terhadap pengajaran bahasa Inggeris manakala usul kesembilan pula menyentuh mengenai bahasa tambahan, terutama mengenai kegagalan pihak sekolah mengadakan kelas bahasa Tamil.

Resolusi kesepuluh pula adalah mengenai pembasmian kemiskinan di kalangan setinggan di bandar di mana MIC mencadangkan supaya Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) menyediakan pinjaman kepada ibu tunggal dan bekas pekerja ladang yang berhijrah ke bandar.

Akhir sekali, resolusi kesebelas adalah permohonan kepada kerajaan supaya menambah peluang kepada usahawan kaum India dalam perniagaan bagi mempercepatkan pencapaian ekuiti tiga peratus.